



16 FEB, 2025

SJTJ Port Dickson kembali beroperasi seperti biasa

Metro Ahad, Malaysia



SJTJ Port Dickson kembali beroperasi seperti biasa

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengesahkan Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar (SJTJ) Port Dickson yang terbakar kelmarin telah kembali beroperasi seperti biasa.

Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) Datuk Muhammad Nazri Pazil dalam kenyataan berkata, kebakaran tersebut hanya melibatkan suar pada bolong keluar saluran paip gas.

“Berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CC-TV), kebakaran berlaku selama 14 saat bermula 8.28 malam. Ia berjaya dipa-

dam segera hasil tindakan pantas pihak stesen jana kuasa yang melaksanakan penutupan selamat punca gas,” katanya.

Beliau berkata, siasatan sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca sebenar kebakaran manakala pemeriksaan awal mendapati tiada kerosakan utama pada aset dan mesin penjanaan di SJTJ.

“Kami sedang menjalankan pemeriksaan lanjut dan mengambil langkah proaktif bagi mengenal pasti punca kebakaran serta mencegah kejadian serupa daripada berulang,” katanya.